



## SIARAN AKHBAR

---

### **MAJLIS PERASMIAN PENANAMAN VARIETI PADI HIBRID BERHASIL TINGGI (*HIGH YIELDING HYBRID VARIETY PADDY*) DI WASAN SEMPENA HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG KE-72 TAHUN**

*Hari Isnin, 20 Safar 1440 bersamaan 29 Oktober 2018  
Daerah Brunei-Muara*

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada hari ini berkenan berangkat dan menyempurnakan **Majlis Perasmian Penanaman Varieti Padi Hibrid Berhasil Tinggi (*High Yielding Hybrid Variety Paddy*) di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Wasan, Mukim Pengkalan Batu, sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke -72 Tahun.**

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam **di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Wasan, Mukim Pengkalan Batu** dijunjung oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Setiausaha Tetap dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Berangkat bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Paduka-Paduka Anakanda Baginda:



- Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah; dan
- Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Sejurus keberangkatan tiba di ladang padi, KKP Wasan, Mukim Pengkalan Batu; Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung untuk mendengar sembah taklimat daripada Yang Mulia Dayang Khairunnisa binti Haji Omar Ali, Juruekopertanian, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan; Yang Mulia Lt. Kol. (B) Awang Haji Mohd Shahlan bin Hidup, Pengerusi Koperasi Setia Kawan (KOSEKA); dan Yang Mulia Awang Haji Yakub bin Haji Othman, Ketua Ladang Projek Penanaman Padi, Majlis Perundingan Mukim Pengkalan Batu.

Bagi memberkati Majlis Perasmian, acara didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya berkenan mengurniakan Titah Perasmian bagi menyempurnakan Perasmian Penanaman Varieti Padi Hibrid Berhasil Tinggi (*High Yielding Hibrid Variety Paddy*), dan kemudiannya dijunjung berangkat untuk menanam Padi Hibrid Berhasil Tinggi di Ladang Koperasi Setia Kawan (KOSEKA) dengan menggunakan mesin jentera penanaman padi (*paddy transplanter*).

Mengiringi semasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menanam Padi Hibrid Berhasil Tinggi tersebut adalah laungan Selawat Ibrahimiyah beramai-ramai ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W., dipimpin oleh penuntut-penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kemudian berkenan bergambar ramai dan ramah mesra bersama pengusaha-pengusaha padi sebelum berangkat ke Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) - Kampus Agroteknologi, di Kampung Wasan bagi Majlis Jamuan Tengahari.

Terdahulu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke beberapa kawasan ladang-ladang tanaman dan ternakan untuk menyaksikan kepelbagaian kaedah serta teknologi pertanian yang digunakan oleh pengusaha tempatan:

- **Ladang yang diusahakan di bawah Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ)** yang dikelolakan oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) bertempat di Pusat Penyelidikan Pertanian Brunei, Kampung Kilanas. Program ini bertujuan untuk mengupayakan asnaf fakir dan miskin, serta membuka peluang-peluang pekerjaan dan keusahawanan kepada peserta program. Tanah seluas 1.1 hektar ini diusahakan oleh 5 orang peserta PROPAZ dan menanam jenis tanaman seperti cili, sayur daun dan jagung.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Ladang PROPAZ dijunjung oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Hj Awg Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Hj Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Yang Di-Pertua MUIB; dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan;

- **Ladang RZ Prisma Enterprise** bertempat di Pusat Penyelidikan Pertanian Brunei, Kampung Kilanas. Tanah seluas 1 hektar ini ditanam dengan tanaman sayur daun dan buah-buahan bernilai tinggi menggunakan sistem Rumah Terlindung (*Greenhouse*), dan sistem Hidroponik Bertingkat (*Vertical Farming*). Perusahaan ladang tersebut merupakan salah satu



Projek Rintis di bawah kelolaan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, yang telah mula bergiat pada tahun 2017.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Ladang RZ Prisma Enterprise dijunjung oleh Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail, Pengurus Ladang RZ Prisma Enterprise;

- **Ladang Ameenfarm Agrotech and Trading** bertempat di Pusat Penyelidikan Pertanian Brunei, Kampung Kilanas, menyaksikan penggunaan sistem Fertigasi dan Rumah Terlindung pada tanaman jenis sayur daun, sayur buah (tomato dan terung) dan buah-buahan (batat dan sekoi). Perusahaan ladang seluas 4 hektar ini merupakan salah satu Projek Rintis di bawah kelolaan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, yang telah mula bergiat pada tahun 2016.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Ladang Ameenfarm Agrotech and Trading dijunjung oleh Yang Mulia Awang Haji Irwandy bin Haji Lois, Pengurus Ladang Ameenfarm Agrotech and Trading;

- **Ladang Perusahaan Riza Fudhlana Farming** di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Tanah Tuah. Syarikat ini mula memajukan ladang berkenaan pada tahun 1994 secara sistem konvensional, dan kemudiannya menggunakan teknologi sistem Reban Tertutup bermula tahun 2014 di atas tanah seluas 4 hektar bagi ternakan ayam pedaging. Setiap satu reban boleh menampung 20,000 hingga 23,000 ekor ayam setiap kitaran (*cycle*).

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Ladang Perusahaan Riza Fudhlana Farming dijunjung oleh Yang Mulia Pengiran Haji Haris bin Pengiran Haji Duraman, Pengurus Ladang Riza Fudhlana Farming; dan



- **Ladang Syarikat Tunas Harapan Agricultural Farm Sdn Bhd** di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Sibongkok, Kg Masin yang mengamalkan sistem Rumah Terlindung dan sistem Pengairan Titis (*Drip Irrigation*) di atas tanah seluas 20 hektar. Jenis tanaman yang ditanam adalah sayur daun, sayur buah dan buah-buahan tidak bermusim seperti buah tin, buah naga, buah ceku, buah belimbing, buah jambu batu dan lain lain.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Ladang Syarikat Tunas Harapan Agricultural Farm Sdn Bhd dijunjung oleh Yang Mulia Awang Lau How Teck, Pengurus Ladang Tunas Harapan Agricultural Farm Sdn. Bhd.

Turut hadir di Majlis Perasmian ini ialah Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet, Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara Mukim Pengkalan Batu, Timbalan-Timbalan Menteri, para perwakilan asing ke negara ini serta peladang-peladang padi di KKP Wasan.

Majlis Perasmian Penanaman Varieti Padi Hibrid Berhasil Tinggi tersebut adalah bertujuan untuk menandakan satu lagi perkembangan baru dalam usaha Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi meningkatkan pengeluaran padi dan bagi meningkatkan tahap saradiri bekalan beras Negara.

Pada hari ini, Varieti padi yang diperkenalkan adalah dikenali sebagai padi Sembada188, yang merupakan varieti padi yang dikenalpasti melalui kerjasama penyelidikan di antara Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dengan Syarikat PT. Biogene Plantation daripada Republik Indonesia yang telah dijalankan selama 3 musim, bermula daripada Mei 2016 dan berakhir pada Mac 2018. Melalui kajian tersebut, padi Sembada188 mempunyai purata hasil sebanyak 5.0 - 6.0 tan metrik sehektar semusim. Benih padi Sembada188 telah diimport daripada Republik Indonesia melalui Yaz & Wyn Enterprise yang mana adalah merupakan syarikat



perusahaan bumiputera yang telah dilantik menjadi pengedar tunggal bagi Negara Brunei Darussalam.

/TAMAT.

**Dikeluarkan oleh:**

**Unit Perhubungan Awam, Bahagian Pengurusan dan Kewangan  
Kementerian Sumber-Sumber Utama da Pelancongan  
Negara Brunei Darussalam**

*Tarikh: 29 Oktober 2018*